

Rujukan : UKM PDF/224/3  
Tarikh : 29 Rejab 1438H  
26 April 2017

## PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 4/2017

### DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

### PENGUATKUASAAN PERATURAN BERKAITAN PEMATUHAN WAKTU BEKERJA STAF UKM

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan Jabatan ini telah menerima aduan mengenai segelintir staf yang tidak mematuhi waktu bekerja dan berada di tempat-tempat awam termasuk di gelanggang permainan semasa waktu bekerja. Ketidakpatuhan waktu bekerja ini adalah bertentangan dengan Peraturan 22 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [AKTA 605] yang memperuntukkan bahawa ketidakhadiran adalah tidak hadir bagi apa-apa juga tempoh masa pada masa dan di tempat staf itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugas-tugasnya.

2. Perlakuan atau sikap berkenaan menjelaskan imej Universiti dan usaha berterusan hendaklah dilakukan terutamanya oleh Ketua Jabatan dalam mengingatkan staf di PTj masing-masing agar mematuhi waktu bekerja yang ditetapkan.

3. Justeru, sesuai dengan Peraturan 21 Akta yang sama berkaitan dengan kawalan dan pengawasan tatatertib, pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan adalah diminta supaya menguatkuasakan peraturan mengenai pematuhan waktu masuk dan balik bekerja serta membuat pemantauan secara berterusan terhadap pergerakan staf masing-masing dengan memastikan staf berkenaan mendapatkan kebenaran Ketua Jabatan terlebih dahulu sebelum meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja untuk sebarang urusan peribadi.

4. Sukacita saya menarik perhatian YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan, **Sistem Daftar Keluar Masuk Kakitangan (SIDKEM)** di dalam Laman Web e-Warga adalah saluran yang tepat digunakan sekiranya terdapat keperluan staf untuk melakukan sebarang urusan peribadi dalam waktu bekerja. Sistem ini bertujuan merekodkan waktu keluar dan masuk semula ke pejabat tertakluk setelah mendapat kelulusan Ketua Jabatan.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

PEJABAT PENGARAH EKSEKUTIF PENTADBIRAN, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 / 5015 / 3871 Faksimili: +603-8926 7950 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>


Besarlah harapan saya, agar YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan dapat memaklumkan kepada semua staf di bawah selian masing-masing agar mematuhi waktu bekerja yang ditetapkan. Peringatan ini dilakukan bagi mengingatkan kembali mengenai tanggungjawab dan integriti seluruh warga untuk mengangkat kedudukan UKM sebagai institusi ilmu yang cemerlang dan dihormati.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

*'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'*

Salam hormat,



ABD RAZAK HUSSIN  
Pengarah Eksekutif Pentadbiran

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 / 5015 / 3871 Faksimili: +603-8926 7950 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>